

03/05/2000

EON yakin edar model baru Proton

Badrila Jamlus

EDARAN Otomobil Nasional Bhd (EON), pengedar kereta nasional akan mengedar salah sebuah model terbaru keluaran Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) yang akan dilancarkan bulan ini.

Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Abdul Wahab, bagaimanapun berkata, pengumuman rasmi mengenai pelantikan EON sebagai pengedar model kereta baru itu akan diumumkan oleh Proton.

Proton sebelum ini mengumumkan akan mengeluarkan antara 40,000 hingga 50,000 unit setahun bagi model terbarunya yang dijangka diperkenalkan di pasaran tempatan tidak lama lagi pada harga di antara RM60,000 hingga RM80,000 seunit.

Pelancaran dua model baru Proton itu yang masing-masing berkuasa 1.6 liter dan 1.8 liter dijadual disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Mei ini di Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor.

"Pelantikan semula EON sebagai pengedar kereta Proton belum diputuskan lagi kerana ia masih dalam perbincangan tetapi saya yakin Proton akan mempertimbangkan pelaburan yang sudah dilakukan EON selama ini," katanya selepas majlis pelancaran model Proton Wira Sedan Edisi Khas Piala Thomas 1.6 XLI di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran itu disempurnakan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selaku Penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Hadir sama Pengerusi EON, Tan Sri Mohd Salleh Sulong; Pengarah Eksekutif Kumpulan Motor, Donald Choo; Presiden BAM, Datuk Abdullah Fadzil Che Wan dan Naib Presiden Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF), Datuk Punch Gunalan.

Mengenai model edisi khas Piala Thomas itu, Adzmi berkata, Proton Wira berwarna biru gelap metalik itu hanya dikeluarkan 300 unit saja dan mula dijual hari ini pada harga atas jalan RM63,182.67 (termasuk insurans).

Bagaimanapun, katanya Proton akan menambah pengeluarannya sekiranya wujud permintaan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Model berwajah baru itu menampilkan beberapa ciri tambahan termasuk rim tayar baru, jalur grafik sisi dengan logo Piala Thomas, antena jenis Bee-Sting, tempat duduk belakang yang boleh dilipat dan kemasan dalaman yang ditingkatkan khususnya kusyen separuh kulit.

Beliau berkata, kereta berkenaan juga adalah sebahagian daripada langkah dan strategi EON untuk memenuhi permintaan pelanggannya terhadap kereta edisi khas.

"EON sebelum ini memasarkan beberapa model edisi khas antaranya Proton Perdana edisi Kejohanan Golf Dunia dan edisi Komanwel," katanya.

(END)